

10) PEMBINAAN RUMAH MAMPU MILIK DI LEMBAH JAYA

Adun : Y.B. Tuan Syed Ahmad Bin Abdul Rahman Alhadad (Lembah Jaya)

Kategori : Lisan

Sesi : 2 (2025)

Sub soalan :

- a) Apakah langkah Kerajaan Negeri untuk menambah bilangan rumah mampu milik di Lembah Jaya, selaras dengan Dasar Perumahan Selangor?

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri amat prihatin dan komited dalam penyediaan perumahan mampu milik kepada golongan M40 ke bawah melalui pemilikan di bawah program Rumah Selangorku. Melalui Dasar Perumahan (Dasar Rumah Selangorku 3.0), pihak pemaju / pemilik tanah yang berhasrat membangunkan perumahan akan dikenakan syarat untuk membina Rumah Selangorku berdasarkan kepada keluasan pembangunan dan ianya mengikut Zon / kawasan pembangunan.

Sehingga 31 Mei 2025, masih belum ada permohonan oleh pemilik tanah/pemaju untuk membangunkan Rumah Selangorku khusus di kawasan DUN Lembah Jaya namun, penduduk DUN Lembah Jaya boleh memohon untuk memiliki Rumah Selangorku yang telah diluluskan oleh Majlis Mesuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKN). Sehingga kini, sebanyak **11 projek dengan 2,390 unit Rumah Selangorku** telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri di kawasan Ampang yang mana kini dalam proses memperoleh Kelulusan Kebenaran Merancang dari pihak PBT. Perincian projek tersebut adalah seperti di **Lampiran**.

Kawasan Ampang khususnya DUN Lembah Jaya merupakan zon tepu pembangunan yang mana tiada pembangunan dapat dilaksanakan atas kekangan tanah. Oleh yang demikian, halatuju Kerajaan Negeri dalam membangunkan zon-zon tepu ini adalah melalui pembangunan semula bandar (*redevelopment*) yang mana dapat menyelesaikan isu kekurangan rumah di kawasan tersebut disamping meningkatkan nilai hartanah di kawasan tersebut. Langkah Kerajaan Negeri melalui jabatan dan agensi berkaitan adalah mengenal pasti pembangunan lama yang sesuai dan berpotensi untuk dilaksanakan pembangunan semula bandar.

LAMPIRAN

BIL	PEMAJU	LOKASI PROJEK	BIL UNIT	STATUS
1.	GAPADU HARTA SDN. BHD.	HAKMILIK HSD 83257 PT 5223, HSD 83258 PT 5244 DAN HSD 83259 PT 5225, TAMAN UKAY SPRING, SEKSYEN 2, BANDAR HULU KELANG, DAERAH GOMBAK.	138	DALAM PERANCANGAN
2.	SANJUNG SEGAR DEVELOPMENT SDN. BHD.	DI ATAS HAKMILIK HS(D) 67904 PT 3868 DAN HS(D) 67905 PT 3869 BANDAR HULU KELANG, DAERAH GOMBAK.	48	DALAM PERANCANGAN
3.	KISMAJAYA SDN BHD	DI ATAS HAKMILIK PN 7136 PT 4992 (SEBAHAGIAN LOT LAMA 6995), KAMPUNG PASIR TAMBAHAN, MUKIM HULU KELANG, DAERAH GOMBAK.	60	DALAM PERANCANGAN
4.	AMPANG HEIGHTS HOLDINGS SDN. BHD.	KE ATAS HAKMILIK HS(D) 117416 PT 11434 DAN HS(D) 71766 PT 2923, DI MUKIM AMPANG, DAERAH HULU LANGAT.	800	DALAM PERANCANGAN
5.	V DEVELOPMENT SDN. BHD.	KE ATAS HAKMILIK HS(M) 15084 PT 18598 DAN HS(M) 15085 PT 18599 MUKIM ULU KELANG, DAERAH GOMBAK.	60	DALAM PERANCANGAN
6.	SDB PROPERTIES SDN. BHD.	DI ATAS HAKMILIK HSM 14822 PT 18282, GM 1245 PT 18600 DAN HSM 15142 PT 18764 (LOT ASAL 581, 582, 1223, 1224, 1230, 1234 DAN 1235), JALAN KLANG GATES, MUKIM HULU KELANG, DAERAH GOMBAK, SELANGOR DARUL EHSAN.	232	DALAM PERANCANGAN

BIL	PEMAJU	LOKASI PROJEK	BIL UNIT	STATUS
7.	KLANGGROUP PROPERTIES MANAGEMENT SDN. BHD.	DI ATAS HAKMILIK GERAN 314779 LOT 4595, GERAN 314776 LOT 4596 DAN GERAN 314777 LOT 4597, BANDAR AMPANG, DAERAH HULU LANGAT.	219	DALAM PERANCANGAN
8.	ZED ENTERPRISE (M) SDN. BHD.	DI ATAS HAKMILIK PN 100693 LOT 11758 (DAHULUNYA LOT 1416) SEKSYEN 2, BANDAR HULU KELANG, DAERAH GOMBAK.	200	DALAM PERANCANGAN
9.	TUAH KAYANGAN DEVELOPMENT SDN. BHD.	DI ATAS HAKMILIK HSM 34306 HINGGA HSM 34314 PT 14558 HINGGA PT 14674 DAN SEBAHAGIAN TANAH KERAJAAN YANG DIPOHON (LOT LAMA 17837), BUKIT CHERAS BANDAR AMPANG DAERAH HULU LANGAT.	173	DALAM PERANCANGAN
10.	TUAH KAYANGAN DEVELOPMENT SDN. BHD.	DI ATAS HAKMILIK HSM 34306 HINGGA HSM 34314 PT 14558 HINGGA PT 14674 DAN SEBAHAGIAN TANAH KERAJAAN YANG DIPOHON (LOT LAMA 17837), BUKIT CHERAS BANDAR AMPANG DAERAH HULU LANGAT.	346	DALAM PERANCANGAN
11.	MAXIMS CIRCLE DEVELOPMENT SDN. BHD.	DI ATAS HAKMILIK PM 20 LOT 1237 DAN PM 40 LOT 1240, MUKIM HULU KELANG, DAERAH GOMBAK.	114	DALAM PERANCANGAN
JUMLAH KESELURUHAN			2,390	